

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR**  
**KAWASAN : POKOK SENNA**  
**TARIKH : 17 MAC 2016, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:-

- (a) apakah kaedah perolehan projek tender terhad di dalam projek JKR, bagaimana proses pemilihan petender, apakah kriteria yang ditetapkan; dan
- (b) apakah pemilihan berdasarkan cadangan dan tapisan oleh JKR, jika bukan pihak manakah yang menentukan keputusan muktamad pemilihan.

## **JAWAPAN:**

(jawapan a dan b)

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tender Terhad dipelawa di kalangan kontraktor yang diluluskan oleh Lembaga Perolehan Agensi (LPA) atau Kementerian Kewangan sahaja. Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2012, senarai pendek nama kontraktor untuk Tender Terhad hendaklah tidak kurang dari 5 dan tidak melebihi 10 kontraktor.

Pemilihan senarai nama kontraktor untuk projek yang melebihi RM10 juta ke atas terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Manakala untuk projek bernilai RM10 juta ke bawah di bawah bidang kuasa Lembaga Perolehan Agensi. Antara kriteria utama bagi pelawaan kontraktor secara tender terhad ialah seperti berikut:

- (a) Kontraktor berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang bersesuaian;
- (b) Kontraktor mempunyai keupayaan kewangan dan keupayaan teknikal yang mencapai tahap minimum sebagaimana ditetapkan;

- (c) Kontraktor hendaklah mempunyai pengalaman yang mencukupi iaitu yang serupa atau sebanding dengan skop kerja di dalam tempoh 5 tahun; dan
- (d) Kontraktor tidak mempunyai kerja semasa yang sakit dan bebas daripada rekod prestasi yang tidak memuaskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang pengecualian daripada pematuhan Surat Pekeliling Perbendaharaan mengenai tatacara perolehan Kerajaan perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak Kementerian Kewangan.

Sekian, terima kasih.